

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan Pegawai
Perubatan Keluarga yang telah diluluskan di Sabah dan berapakah yang
telah diisi dan di daerah mana.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2015,
terdapat sebanyak sembilan (9) jawatan Pegawai Perubatan Pakar
Kesihatan Keluarga di fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) di negeri Sabah dengan pengisian seramai 14 orang atau 155.6 peratus. Pakar-pakar Kesihatan Keluarga ini mengisi jawatan di lapan (8) Pusat Kesihatan Keluarga (PKK) iaitu di PKK Kota Kinabalu, Tuaran, Tawau, Sandakan, Keningau, Ranau dan Lahad Datu.